

## **UMP dan MBM lancar Program 1B1K-UMP untuk belia**



Putrajaya, 10 Mei – Dalam merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui UMP Advanced Education (UAE) bekerjasama menjayakan satu program baharu iaitu 1B1K-UMP Kompeten: TVET Berasaskan Pembelajaran Sepanjang Jayat (PSH).

Majlis Pelancaran telah disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Khairy Jamaluddin bersempena Majlis Konvokesyen ke-4 bertempat di Dewan Seri Endon, Puspanita, Putrajaya. Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Y.Bhg Dato' Lokman Hakim Ali, Naib Canselor UMP, Prof Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Presiden Belia Malaysia, Muamar Ghadafi Jamal Datuk Wira Jamaludin dan Ketua Pegawai Eksekutif UAE, Mohd Rozi Hassan.



Prof Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program PSH yang dibangunkan ini bertujuan untuk memperkembangkan ilmu dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja dan sumber manusia sedia ada dalam sektor industri tertentu yang dilaksanakan secara eksekutif.

"Dalam fasa menjana kegembilangan, UMP mengorak langkah mengembangkan potensinya dengan memperkenalkan satu inisiatif terhadap pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Usaha ini dapat dilihat sebagai menyokong langkah kerajaan terhadap ekosistem TVET nasional secara berkualiti dan berinovasi," katanya.





Manakala menurut Ketua Pegawai Eksekutif UAE, Mohd Rozi Hassan, pihaknya menawarkan pendidikan TVET berdasarkan PSH ini dalam empat peringkat iaitu Sijil, Diploma, Sarjana Muda dan Sarjana manakala sebanyak 21 program yang ditawarkan merupakan Program TVET.

Program ini mensasarkan peserta yang sedang berkerja namun ingin menyambung pelajaran bagi tujuan untuk meningkatkan kelayakan akademik yang lebih tinggi. Tenaga pengajar adalah terdiri daripada staf UMP sedia ada dan melibatkan tenaga pengajar lain termasuk dari IPT lain serta industri yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan.



Bagi peserta, Nur Atikah Abdullah, 31 yang bertugas di Syarikat Furley Bloextracts Sdn Bhd kini sedang mengikuti jurusan Diploma Profesional Pengurusan Operasi Industri di UAE, UMP. Beliau telah lama berhasrat untuk menyambung pelajaran dan mengharapkan dapat meningkatkan kerjayanya pada masa akan datang.

**Disediakan oleh Nor Salwana Mohd. Idris dari Bahagian Komunasi Korporat.**

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 12-05-2016, 16:35:47